

LELONGAN ASET KERETA OLEH FIRMA G-MART DARI PERSPEKTIF ISLAM

Shofian Ahmad

shofian_69@yahoo.com

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mariani Abd. Majid

mariani@ukm.my

Miss Ni-Asini Nimae

azi_ni@yahoo.com

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk membandingkan beberapa amalan dalam proses lelongan aset kenderaan yang dijalankan oleh firma G-MART dengan kehendak syariah. Data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian terhadap firma dianalisis untuk melihat aspek hukum syariah yang terdapat di dalamnya. Hasil kajian mendapati bahawa cara lelongan aset kenderaan yang dijalankan oleh firma G-MART memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh undang-undang. Dari segi hukum syarak juga tidak terdapat sebarang masalah yang menjadikan kontrak lelongan tersebut tidak sah. Apa-apa yang telah diamalkan oleh firma pada masa kini telah memenuhi tuntutan hukum syarak, hanya kurang ditonjolkan asas amalannya dalam terminologi syarak.

Kata kunci: lelongan Islam, lelongan kenderaan, bida, undang-undang syariah

Abstract

This study attempts to compare various practice in the process of the vehicle auction conducted by the G-MART firm in the light of the Syariah law. This study used a qualitative design whereby the data obtained through interviews observations of the firm. The data are then analysed from the perspective of Syariah law. The findings of the study show that the vehicle auction contract as conducted by G-MART which is in full compliance with the guidelines set by law, is also valid

and acceptable from the perspective of Islamic law. Further, the current practice of the G-Mart firm fulfils the requirements of the Islamic law, but this has not been adequately highlighted.

Keywords: Islamic auction, vehicle auction, bid, Syariah law

PENDAHULUAN

Lelongan ialah satu mekanisme pasaran yang melibatkan agensi awam, swasta, dan individu untuk perolehan, penjualan atau peruntukan barangan dan perkhidmatan. Antara barangan yang dilelong termasuklah barangan antik, lukisan, kereta eksotik, dan hartanah. Jualan lelongan merupakan cara biasa bagi melupuskan aset dalam pasaran terbuka untuk jualan segera yang berkemungkinan mendapat pulangan pada harga tertinggi. Kaedah pemasaran ini menggunakan cara yang tidak menyusahkan pemilik kerana penjual berupaya menjual barangan dalam tempoh yang diinginkan. Oleh itu, dalam masa yang singkat pemilik dapat memaksimumkan pelaburan mereka. Bagi pembeli pula, mereka berkesempatan membayar nilai sebenar sesuatu barangan. Oleh itu, penjualan dan pembelian melalui aktiviti lelongan merupakan satu keputusan perniagaan yang baik untuk semua pihak yang terlibat. Dalam aktiviti lelongan kenderaan di Malaysia terdapat banyak permintaan terhadap kenderaan yang dilelong tetapi jumlah firma yang menjalankan aktiviti ini kurang, terutamanya lelongan secara Islam.

Berdasarkan kenyataan di atas, makalah ini bertujuan mengkaji proses lelongan secara tradisional dan melihat isu berkaitan hukum syarak yang terdapat di dalamnya. Penganalisan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual dan pemeriksaan terhadap firma yang menjalankan operasi ini. Makalah ini akan dibahagikan kepada kajian lepas, metode kajian, diikuti dengan dapatan kajian serta penutup.

KAJIAN LEPAS

Jual beli secara lelongan agak kurang dilakukan dalam masyarakat berbanding dengan jual beli secara biasa. Masyarakat masih kurang maklumat tentangnya, khususnya berkaitan prinsip lelongan yang berlandaskan hukum syariat. Definisi lelongan ialah penjualan di hadapan khalayak ramai (dengan harga beratas-atasan oleh pembelinya).¹

1 Kamus Dewan, 2010. Edisi 4, hlm. 787.

Lelongan ialah satu mekanisme ekonomi eksplisit, iaitu apabila terdapat seorang penjual tunggal yang dibenarkan melakukan proses lelongan kepada peserta yang dikenali sebagai pembida. Proses lelongan ini dilakukan bagi mendapatkan persetujuan tentang pembayaran yang bakal diterima oleh penjual di samping membuat peruntukan bagi butiran barangan yang hendak dijual.² Menurut Wilson,³ lelongan merupakan kaedah yang paling mudah untuk menjual barangan, dan merupakan cara biasa penentuan harga bagi perdagangan pelbagai hala antara perantara tanpa broker dengan tenaga pakar. Prosedur majlis lelongan ini berdasarkan proses tawaran dan menawarkan barangan yang hendak diperdagangkan.

Lelong dalam bahasa Arab dikenali sebagai *bay' muzayadah*. *Bay' muzayadah* bermaksud jualan secara menambah, iaitu menambah harga barang sehingga sampai satu tingkat harga yang dipersetujui antara pembeli dengan penjual.⁴ Dari segi istilah pula dikenali sebagai perbuatan penjual menawarkan aset jualan diikuti permintaan para pembeli yang menawarkan harga berdasarkan kesanggupan masing-masing. Kemudian aset tersebut dijual kepada pembeli yang menawarkan harga tertinggi. Dengan kata lain, *bay' muzayadah* ialah proses apabila seorang pembeli menambah harga pada sesuatu barang kemudian datang seorang pembeli lain dan menambah harga yang lebih tinggi berbanding dengan yang sebelumnya.

Bank Islam Malaysia Berhad memberikan takrif *bay' muzayadah* sebagai jualan aset kepada orang ramai melalui proses pembidaan dalam kalangan bakal pembeli dan aset dijual kepada pembida tertinggi. Abdullah⁵ pula mendefinisikan lelongan sebagai jual beli dengan cara penjual menawarkan barang dagangannya, lalu para pembeli saling tawar-menawar dengan menambah jumlah harganya berbanding dengan harga sebelumnya. Si penjual akan menjual dengan harga tertinggi yang ditawarkan oleh para pembeli. Mohd Ma'sum⁶ pula mendefinisikan lelong sebagai sejenis perniagaan barang yang diletakkan untuk jualan oleh pemilik barang dengan harapan mendapat harga tertinggi daripada sekumpulan pembida.

2 Krishna, V. 2002, *Auction Theory*, hlm. 201.

3 Wilson, R., 1990. *Strategic Analysis of Auction*, hlm. 150.

4 Najati Muhammad Ilyas, 2002. *Jual Beli Lelong*, hlm. 54.

5 Abdullah al-Mushlih & Shalah ash-Shawi, 2004. *Fikih Islami Keuangan Islam*, hlm. 206

6 Mohd. Ma'sum Bilah, 2007. *Applied Islamic Law of Trade and Finance: A Selection of Contemporary Practical Issue*. 3rd Edition, hlm 87.

Daripada beberapa definisi yang diberikan menunjukkan bahawa tiada perbezaan maksud lelongan dari perspektif Islam dan konvensional. Menurut keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia,⁷ kaedah *bai' muzayadah* diharuskan dari segi hukum syarak.

Jual beli lelong ini sama seperti jual beli barangan biasa. Oleh itu, *akad* lelongan berasaskan akad jual beli secara umum, iaitu rukun dan syarat jual beli serta perkara yang membatalkan akad, tertakluk pada apa-apa yang terkandung dalam kontrak jual beli.⁸

METODE KAJIAN

Perbandingan antara konsep lelongan dalam Islam dan konvensional berdasarkan maklumat daripada kajian lepas dan kajian kepustakaan. Dari segi aplikasi pula, firma lelongan aset kereta diambil sebagai sampel. Tumpuan kajian ini pada aset kereta kerana kereta merupakan barangan keperluan masa kini dan jumlah permintaannya adalah banyak. Terdapat beberapa firma di Malaysia yang menjalankan aktiviti lelongan aset kereta. Untuk tujuan kajian ini, hanya sampel firma G-Mart Corporation (G-Mart) dipilih. Justifikasi pemilihan firma ini sebagai sampel kajian kerana firma tersebut milik orang Islam dan berkemungkinan besar telah mengambil kira aspek pematuhan terhadap hukum syarak dalam operasi lelongan yang dijalankan. Temu bual dengan responden terpilih telah dijalankan. Pemilihan responden pula berdasarkan kemahiran dan pengalaman mereka dalam aktiviti lelongan di firma tersebut. Kaedah temu bual penting dalam kajian ini untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat daripada pihak yang arif dengan proses lelongan yang dijalankan. Kesemua maklumat yang diperolehi ini digunakan untuk menilai keselarian hasil dapatan kajian dengan prinsip syariah.

DAPATAN KAJIAN

Proses lelongan yang dijalankan oleh syarikat boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu sebelum lelongan, semasa lelongan dan selepas lelongan. Untuk tujuan analisis, ketiga-tiga peringkat ini akan dilihat proses serta isu yang berkaitan hukum syarak yang terdapat di dalamnya.

7 Majlis Penasihat Syariah (MPS) dalam mesyuarat ke-10 pada 16 sehingga 17 Oktober 1997.

8 Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adam Wafa, Muhammad Nasri Md. Hussain dan Mohd. Hizam Hanafiah, 2002. *Pengantar Perniagaan Islam*, hlm 80.

Peringkat Sebelum Lelongan

Setiap kenderaan yang masuk ke dalam stor simpanan hendaklah melalui beberapa proses yang telah ditetapkan oleh firma. Tujuan proses ini adalah untuk meyakinkan firma berkenaan dengan kenderaan yang dibawa masuk ke dalam stor. Segala maklumat tentang kenderaan juga diambil. Proses tersebut dapat menentukan bahawa aset kenderaan yang akan dilelong ada dalam stor ketika proses pelelongan dijalankan.

Keberadaan (wujud) aset yang dilelong menjadi syarat dalam kontrak lelongan dan kontrak jual beli secara amnya menurut Islam. Ketidakwujudan aset yang dilelong akan menjadikan kontrak tersebut bersifat *gharar*. *Gharar* tidak dapat dijelaskan secara terperinci kerana skop dan maksud *gharar* itu sendiri terlalu luas. Terdapat pelbagai definisi daripada para fuqaha tentang konsep *gharar*. Antaranya termasuklah *gharar* yang bermaksud *jahalah* (tidak maklum) tentang barangan yang ditransaksikan. Al-Sarakhsi misalnya telah mendefinisikan *gharar* sebagai sesuatu yang tidak diketahui akibatnya. Terdapat juga mereka yang menyatakan bahawa *gharar* bermaksud syak atau keraguan.⁹ Berdasarkan definisi di atas, boleh dikatakan bahawa konsep *gharar* berkisar pada makna ketidaktentuan dan ketidakjelasan sesuatu transaksi yang dilaksanakan. Antara aspek yang menjadikan ketidaktentuan dan ketidakjelasan berkenaan timbul kerana status kewujudan sesuatu aset yang ditransaksikan itu, sama ada wujud atau tidak.¹⁰ Oleh itu, peraturan yang ditetapkan oleh firma adalah bagi mengatasi masalah ketidaktentuan dan ketidakjelasan tentang kewujudan aset yang dilelong.

Selain peraturan tersebut, terdapat juga peraturan bagi memastikan hak milik kenderaan yang akan dilelong. Kebanyakan hak milik kenderaan tersebut dimiliki oleh institusi kewangan yang membiayai pelanggan secara sewa beli. Namun terdapat juga kenderaan milik individu dan milik syarikat yang ingin memasuki proses lelongan tersebut. Kenderaan yang ingin dilelong perlu disertakan dengan beberapa dokumen penting seperti surat tarik (*repossess order*) daripada penarik yang diedarkan oleh pihak syarikat kewangan dan laporan polis yang dibuat oleh penarik kenderaan sendiri. Kenderaan tersebut akan disahkan nombor casis dan nombor enjin sebelum dimasukkan ke stor simpanan. Semasa proses lelongan, nombor kereta tersebut dipastikan sama seperti yang tertera di dalam surat tarik

9 Wahbah al-Zuhayli. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa adillathu*. Jilid 4. Hlm.435

10 Musa, (1985). *al-Fiqh al-Islami*, hlm. 357-65; al-Ba'li, 'Abd al-Hamid Mahmud, (t.t), *Dawabit al-'Uqud*, hlm. 217-34.

(*repossess order*) yang dicetak oleh pihak syarikat kewangan. Gambar juga akan diambil selepas pengesahan oleh pegawai pemeriksaan kenderaan.

Semua peraturan ini, di samping bertujuan memastikan status “wujud” kenderaan yang bakal dilelong, juga bertujuan memastikan hak milik yang sah terhadap kenderaan tersebut sebelum boleh dilelong. Hal ini adalah penting dalam Islam kerana antara syarat yang diputuskan oleh fuqaha dalam penjualan sesuatu aset ialah hak milik sempurna oleh pemiliknya atau diwakilkan oleh penjual. Penjualan sesuatu aset yang bukan hak milik sempurna penjual atau tidak melalui cara perwakilan dinamakan sebagai kontrak *fuduli*. Contoh *fuduli* seperti seseorang menjual sesuatu “barang” milik orang lain tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pemiliknya atau diwakilkan kepadanya untuk menjual.

Hukum kontrak *fuduli* adalah terbatal menurut pandangan fuqaha Shafi’iyyah¹¹ sekalipun pemiliknya bersetuju atau mengizinkan jual beli tersebut selepas itu. Hal ini kerana persetujuan pemilik harta disyaratkan mestilah ketika akad sedangkan dalam kontrak *fuduli* selepas kontrak.

Peringkat Semasa Lelongan

Lelongan awam bagi aset seperti kereta berlangsung pada setiap minggu dan firma akan mengeluarkan senarai kereta yang akan dilelong dua hari sebelumnya. Terdapat prosedur yang diperkenalkan untuk membantu melicinkan urusan lelongan awam pada peringkat ini, antaranya termasuklah:

1. Tinjauan aset sebelum lelongan

Bagi pelanggan yang ingin membuat bidaan mereka boleh mendapatkan maklumat kenderaan dan senarai kereta yang dikeluarkan oleh firma. Sehari sebelum hari lelongan awam dimulakan, firma akan memberikan peluang kepada pelanggan untuk melihat dan membuat tinjauan terhadap kenderaan yang akan dilelong. Firma membenarkan pelanggan melihat, membuka dan memeriksa enjin kereta. Tujuannya supaya pelanggan benar-benar berpuas hati dengan keadaan kereta tersebut sebelum memasuki proses bidaan dalam lelongan. Hal yang demikian telah menjadi prinsip dalam Islam. Islam mensyaratkan setiap kontrak

11 Wahbah al-Zuhayli, 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillathu*, hlm. 167.

jual beli (termasuk jual beli secara lelongan) mestilah diasaskan atas kerediaan (*rida*) dan kerelaan penuh (*ikhtiyar*)¹² kedua-dua belah pihak. Kedua-dua perkara tersebut merupakan syarat asas dalam sesebuah akad pertukaran. Tujuan utama pensyaratan dua perkara tersebut adalah untuk menjamin kebebasan pilihan pihak berakad daripada sebarang gangguan atau pengaruh yang tidak patut.

Apabila aktiviti lelongan dijalankan, pelanggan tidak boleh membuat tinjauan lagi. Hal ini demikian bagi menjamin kelancaran proses lelongan dan bidaan yang akan dibuat. Walau bagaimanapun, pihak firma akan menasihati pihak pembida agar menyemak butiran yang tersenarai dalam jadual lelongan dengan kenderaan yang akan dilelong sebelum membuat bidaan. Selain itu, peserta juga dinasihati berhati-hati dalam membuat bidaan. Hal ni merupakan suatu usaha yang murni daripada pihak firma dan menjadi salah satu tanggungjawab korporatnya kepada pelanggan selain usaha mendapatkan keuntungan.

2. Pengesahan pelelong

Setiap firma pelelong diwajibkan mempunyai sijil pelelong oleh pihak kerajaan. Begitu juga para pembida mestilah terdiri daripada mereka yang dibenarkan oleh undang-undang untuk melakukan bidaan. Dalam hal ini firma G-Mart akan memastikan terlebih dahulu umur, rekod senarai hitam pembida sebelum mereka mendaftar. Sesiapa yang mempunyai rekod senarai hitam tidak layak mendaftarkan diri untuk bidaan.

Kelayakan sebegini dibincangkan oleh fuqaha dalam bab *ahliyyah*, iaitu kelayakan dalam berkontrak. Para fuqaha membahagikan *ahliyyah* atau kelayakan seseorang dalam berkontrak kepada dua, iaitu: *ahliyyah al-wujub* (kelayakan menyertai akad) dan *ahliyyah al-ada'* (kelayakan melaksanakan akad). *Ahliyyah al-wujub* didefinisikan sebagai kelayakan atau kesesuaian seseorang untuk mensabitkan atau disabitkan sesuatu hak.¹³ Bagi membolehkan seseorang mempunyai *ahliyyah al-wujub* ini

12 Kebanyakan fuqaha selain fuqaha Hanafiyyah mendefinisikan ikhtiyar dan reda dengan definisi yang sama, iaitu pilihan sukarela oleh pihak yang berakad untuk melakukan akad. Namun fuqaha Hanafiyyah membezakan antara ikhtiyar dan reda. Reda menurut mereka bermaksud bersetuju dengan kehendak melakukan akad manakala ikhtiyar pula hanya bermaksud kehendak (*qasd*) melakukan akad yang boleh jadi secara sukarela (*reda*) atau secara terpaksa dan sebagainya. ('Abd Allah Ahmad al-Nasafi, (1986), *Kashf al-Asrar Sharh al-Musannif 'ala al-Manar*. Jilid 2, hlm. 292)

13 'Abd al-Karim Zaydan, 1999. *al-Madkhal Lidirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*, hlm. 261.

cukup dengan mempunyai sifat hidup. Hal ini kerana tidak mungkin orang yang tidak hidup (mati) dapat menyertai akad. *Ahliyyah al-ada'* pula didefinisikan sebagai kelayakan yang membolehkan seseorang melakukan perbuatan atau melahirkan perkataan yang boleh membawa kesan hukum dalam akad.¹⁴ Bagi membolehkan seseorang melakukan akad, para fuqaha telah mensyaratkan beberapa perkara seperti, baligh, berakal, bebas memilih dan tidak dihalang (*ghayr mahjur*) daripada bertransaksi.¹⁵ Yang dapat difahami daripada pembahagian kelayakan berakad ini ialah ketelitian dan kesungguhan Islam dalam melindungi kepentingan pihak berakad khususnya kepentingan yang berkaitan dengan harta.

3. Pengesahan barang

Firma akan membuat pengesahan barang terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam stor simpanan. Pengesahan ini dapat mengelakkan penerimaan barang yang bercanggah dengan undang-undang seperti kenderaan curi atau samun. Kemudian firma akan mengeluarkan senarai kenderaan yang akan dilelong dan membuat sedikit penerangan tentang kenderaan tersebut sebelum barang tersebut dilelong. Firma juga turut memberikan masa tertentu kepada pembida untuk mereka membuat tinjauan terhadap kenderaan terlebih dahulu sebelum membuat bidaan. Di samping itu, segala butiran yang berkaitan dengan kenderaan turut diterangkan dalam katalog.

Proses pengesahan barang ialah proses yang penting dalam syarat kontrak jual beli Islam. Islam menetapkan beberapa syarat penting terhadap objek akad bagi menjamin kesesuaian sesuatu barang untuk dijadikan objek akad. Penjual dan juga pembeli tidak sepatutnya menerima objek yang tidak layak dikontrakkan seperti objek yang tiada, atau objek yang cacat, atau objek yang tidak sah dalam sesebuah kontrak. Penetapan syarat objek tertentu yang sesuai menjadi objek

14 Musa, 1987. *al-Amwal wa Nazariyyah al-'Aqd*, hlm. 317

15 Yahya bin Sharaf al-Nawawi, 1992. *Rawdah al-Talibin*. Jilid 3, hlm.5. Di samping ahliyah al-ada', syarat kelayakan menyertai akad, iaitu ahliyah al-wujub juga perlu dipenuhi oleh seseorang yang ingin berkontrak. Walaupun syarat ahliyah al-wujub bukanlah syarat bebas dalam pembentukan akad, tetapi ketidaksempurnaannya memberikan kesan negatif kepada akad. Akad dianggap sia-sia dan batal tanpanya. (al-Zuhayli, 1989. *al-Fiqh al-Islami*. Jilid 4, hlm. 120).

akad¹⁶ dapat melindungi kepentingan pihak berkontrak khususnya pihak pembeli yang biasanya menjadi mangsa dalam proses jual beli. Keadaan ini berlaku kerana kedudukan pembeli yang lemah dari segi pengetahuan tentang objek akad, maka sering kali mereka menjadi mangsa eksploitasi pihak lain. Oleh itu, syarat yang boleh melindungi mereka berkaitan objek akad adalah perlu.

Para fuqaha tidak sependapat dalam menyenaraikan bilangan syarat yang perlu ada pada sesuatu barangan bagi membolehkannya menjadi objek akad. Secara amnya, syarat tersebut adalah seperti yang telah digabungkan oleh sesetengah fuqaha ialah:¹⁷

- a. Boleh menerima hukum akad.
- b. Ada ketika berakad.
- c. Mampu diserahkan.
- d. Diketahui atau dikenali oleh pihak-pihak berakad.

Yang ditunjukkan oleh syarat tersebut ialah satu bentuk usaha untuk melindungi pihak yang lemah, seperti pembeli dan pembida, dengan memastikan barangan yang akan dijadikan objek akad jelas dari segi hukum dan bersifat realistik. Ciri demikian penting khususnya untuk menghindari perkara yang boleh menggugat kepentingan pembeli dalam jualan barang seperti ketidakjelasan hukumnya atau ketidaksesuaiannya untuk menjadi objek akad.

4. Bayaran Pendaftaran

Pembida yang layak perlu mendaftarkan diri sebelum membida bagi setiap kenderaan sebelum lelongan bermula. Semasa pendaftaran diri, pembida mesti membuat bayaran deposit terlebih dahulu. Bayaran deposit ini akan dikembalikan semula kepada pembida yang tidak berjaya dalam proses bidaannya. Bagi pembida yang berjaya bayaran deposit ini merupakan sebahagian daripada harga bidaan yang dikenakan kepadanya.

16 al-Zarqa, 1998. *al-Madhkhal al-Fiqhi al-'Am*. Jilid 1, hlm. 400.

17 Musa, 1985. *al-Fiqh al-Islami*, hlm. 357-65; al-Ba'li, 'Abd al-Hamid Mahmud, (t.t), *Dawabit al-'Uqud*, hlm. 217-34.

Dalam Islam, bayaran deposit seperti itu dikenali sebagai *urbun*. *Urbun* merupakan salah satu instrumen muamalat Islam. Amalan berjual beli seperti ini lazimnya melibatkan bayaran pendahuluan yang disyaratkan terhadap seseorang apabila hendak membeli sesuatu jenis barangan yang pada kebiasaannya bernilai tinggi. *Urbun* didefinisikan sebagai wang pendahuluan atau wang muka atau cengkeram yang dibayar oleh pembeli kepada penjual dengan perkiraan bahawa jika jual beli tersebut diteruskan, maka wang pendahuluan tersebut dihitung sebagai sebahagian daripada harga barang. Hal ini sebaliknya jika jual beli tersebut tidak diteruskan, maka wang pendahuluan tersebut akan menjadi hak penjual.¹⁸

Walau bagaimanapun, dalam amalan firma lelongan G-Mart, firma akan memulangkan semula kesemua jumlah wang deposit yang telah dibayar oleh pembida yang tidak berjaya dalam proses lelongan tersebut. Hal ini kerana kegagalan meneruskan kontrak bukanlah disebabkan oleh pihak pembida atau pembeli, tetapi disebabkan oleh pihak pelelong kerana aset yang dilelong adalah terhad bilangannya. Oleh itu, adalah wajar pihak pelelong, iaitu firma, memulangkan kembali bayaran pendahuluan yang dibuat oleh pembida yang gagal kerana kegagalan tersebut bukan berpunca daripada pihak pembida. Pembida yang berjaya pula akan menandatangani borang penerimaan lelongan dan memasuki kontrak jual beli tersebut dengan firma pelelong kerana kontrak lelongan sama seperti kontrak jual beli yang lain, bersifat *lazim*,¹⁹ iaitu mengikat kepada kedua-dua belah pihak. Pembida yang berjaya diberikan masa sepuluh hari bekerja untuk menjelaskan baki bayaran kenderaan yang dibida. Tempoh sepuluh hari tersebut tidak boleh dianggap tempoh *khiyar*²⁰ pembayaran seperti *khiyar shart* atau *khiyar naqđ*. Hal ini kerana kontrak lelongan telah menjadi kelaziman terhadap pembeli atau pembida yang berjaya.

18 Wahbah al-Zuhayli, 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillathu*. Jilid 4, hlm. 211.

19 Kontrak lazim ialah kontrak yang tidak dapat dibatalkan oleh salah satu pihak tanpa persetujuan pihak yang lainnya. Lawan kepada lazim ialah khiyar (Hammad, 1993. *Mu'jam al-mustalahat al-iqtisadiyyah fi Lughah al-fuqaha'*, hlm. 235)

20 Khiyar ialah pilihan, iaitu memilih sama ada menuruskan kontrak atau tidak meneruskannya. Kebanyakan fuqaha membahagikan khiyar kepada tiga jenis utama, iaitu: khiyar majlis, khiyar shart dan khiyar ayb. Khiyar majlis diperolehi oleh pihak berakad selama mereka berada dan tidak terpisah dalam majlis akad. Khiyar shart pula diperolehi berdasarkan penetapan syarat-syarat tertentu oleh mana-mana pihak berakad. Khiyar ayb pula diperolehi apabila terdapat kecacatan tertentu pada objek akad. (Mustafa al-Khinn *et al.*, 1996. *Fiqh Manhaji 'ala Madhab al-Imam al-Shafii*. Jilid 3. Hlm. 26)

Ekoran daripada kontrak yang telah lazim, pembeli atau pembida dikehendaki membuat bayaran. Oleh itu, tempoh sepuluh hari yang diberikan oleh firma kepada pembeli hanyalah suatu kemudahan yang disediakan kepada pembida yang berjaya.

Selepas Lelongan

Sebelum pelanggan (pembida yang berjaya) mengeluarkan kereta dari stor, mereka akan dinasihati oleh kakitangan firma G-MART supaya membuat pemeriksaan PUSPAKOM terlebih dahulu. Hal ini kerana terdapat sesetengah kenderaan yang dimasukkan ke dalam stor simpanan dan tiada pemeriksaan PUSPAKOM terlebih dahulu sebelum dilelong. Jika didapati kenderaan tersebut kereta potong maka pembida boleh membatalkan kontrak yang telah diterima olehnya. Perkara ini penting kerana dari segi peraturan jalan raya, kereta potong²¹ tidak benarkan untuk berada di atas jalan raya. Keadaan ini tentulah bertentangan dengan tujuan pembida yang membeli kereta tersebut, iaitu ingin menggunakannya di atas jalan raya. “Tidak boleh menggunakannya” merupakan suatu kecacatan dan pembeli yang menanggung kecacatan tersebut dibenarkan untuk memilih hak *khiyar ayb*²² menurut Islam.

Walau bagaimanapun, hak pembatalan kontrak dalam firma G-MART hanya dilakukan dalam kes kereta potong sahaja. Dalam kes yang lain seperti masalah kenderaan ataupun ketidakpuasan hati pada sesetengah bahagian kenderaan oleh pembida, firma tidak akan menerima pembatalan kontrak tersebut. Hal demikian didapati tidak memenuhi matlamat pensyariaan *khiyar ayb* yang ada dalam Islam, kerana konsep *ayb* dalam undang-undang kontrak Islam adalah lebih luas, iaitu merujuk suatu yang mengurangkan ‘*ayn* atau nilai barang sehingga menyebabkan hilang matlamat sebenarnya.²³ Oleh itu, menghadkan *ayb* atau kecacatan hanya kepada jenis kereta potong sahaja adalah tidak menepati dengan matlamat *khiyar ayb* tersebut. Firma perlu

21 Kereta potong merupakan istilah merujuk kereta yang struktur asalnya telah diubah melalui proses pemotongan dan disambung semula menggunakan kaedah kimpalan. Bahagian yang dipotong ialah rangka casis dan tiang utama kereta sama ada di bahagian hadapan, tengah mahu pun belakang. Kereta potong tidak diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk berada di atas jalan raya.

22 *Khiyar ayb* ialah hak memilih untuk membatalkan atau melangsungkan jual beli bagi kedua-dua belah pihak yang berakad apabila terdapat suatu kecacatan pada barang dagangan yang tidak diketahui oleh pemiliknya ketika akad.

23 al-Nawawi, 1992. *Rawdah al-Talibin*. Jilid.3, hlm.463

memperluas definisi kecacatan yang membolehkan pelanggan membatalkan kontrak selepas proses bidaannya berjaya.

Dalam sesetengah keadaan, firma boleh untuk tidak memberikan jaminan tentang keadaan kereta yang dilelong kepada pembida. Perkara sebegini (jika dilakukan) akan diberitahu kepada pembida dan dipastikan mendapat persetujuan daripada mereka terlebih dahulu sebelum membuat bidaan.

Hal seperti ini tidak menyalahi hukum syarak kerana syarat “tiada jaminan” telah dimaklumkan kepada pembida dan pembida pula bersetuju dengan syarat tersebut. Para fuqaha berpendapat sekiranya penjual telah mensyaratkan kepada pembeli ketika akad bahawa dia tidak akan menanggung sebarang “kecacatan nyata” pada barang jualan, maka akad tersebut adalah sah.²⁴ Maksud “kecacatan nyata” pada sesuatu barang jualan ialah kecacatan yang boleh dilihat atau dikesan dengan mudah melalui pancaindera manusia. Dengan pensyaratan tersebut akan melepaskan tanggung jawab penjual untuk menjamin kecacatan nyata dan terdapat pada barang jualan. Sebaliknya, menjadi tanggung jawab pembeli untuk meneliti sendiri bagi memastikan keadaan barang tersebut sama ada elok atau tidak.

Namun jika kecacatan tersebut bukanlah kecacatan nyata, sebaliknya kecacatan tersembunyi, maka penjual masih bertanggung jawab menjamin kecacatan tersebut.²⁵ Para fuqaha membuat contoh kecacatan tersembunyi seperti kecacatan yang berlaku dalam perut haiwan yang dibeli yang tidak dapat dilihat oleh mata pembeli ketika berakad. Dalam contoh kereta, boleh diandaikan bahawa kecacatan yang berlaku dalam enjin kenderaan tersebut atau kecacatan pada bahagian tersembunyi pada badan kenderaan tersebut merupakan kecacatan yang tersembunyi seperti yang dimaksudkan oleh fuqaha. Oleh itu, syarat “tiada jaminan” oleh penjual tidak sah bagi kecacatan yang tersembunyi. Pembeli yang menanggung kecacatan tersembunyi seperti ini semestinya berhak memperoleh hak *khiyar ayb*.²⁶

Caj Simpanan

Kenderaan yang berjaya dibida dan lambat dituntut oleh pembida akan disimpan terlebih dahulu oleh firma dalam stor yang sesuai. Penyimpanan tersebut tentunya memerlukan kos simpanan. Oleh sebab kemudahan tersebut

24 Mustafa al-Khin et al., 1996. *al-Fiqh al-Manhaji*, hlm. 25.

25 Mustafa al-Khin et al., 1996. *al-Fiqh al-Manhaji*, hlm. 25.

26 Mustafa al-Khin et al., 1996. *al-Fiqh al-Manhaji*, hlm. 26.

disediakan oleh firma, maka firma berhak mengenakan caj atau upah atas perkhidmatannya. Keharusan mengenakan caj seperti itu telah diterima dan dijalankan oleh institusi gadaian Islam (al-Rahn). Secara analoginya, caj simpanan yang dikenakan oleh firma pelelong juga diharuskan. Tambahan pula caj yang dikenakan terhadap pembida yang lewat bayar adalah untuk menggalakkan pembida supaya membuat pembayaran dengan segera.

KESIMPULAN

Berdasarkan apa yang telah dijelaskan dalam beberapa peringkat proses lelongan kenderaan yang dijalankan oleh firma G-MART, dapat disimpulkan beberapa perkara penting, antaranya termasuklah: jualan secara lelongan, iaitu suatu jenis kontrak yang diharuskan dalam Islam seperti kontrak jual beli lain yang diharuskan. Hal ini kerana jualan secara lelongan mampu membawa kebaikan dan manfaat kepada kedua-dua belah pihak dalam kontrak tersebut.

Ketelitian firma dalam proses lelongannya bermula pada peringkat sebelum, semasa dan selepas lelongan adalah bagi tujuan melancarkan proses lelongan tersebut. Secara umumnya, hal ini dilihat tidak bercanggah dengan objektif hukum syarak. Walau bagaimanapun, sesetengah proses perlu diperincikan supaya tidak menimbulkan masalah dari segi hukum syarak dan juga tidak menimbulkan kekeliruan kepada pembeli. Sebagai contoh, dalam masalah pensyaran “tiada jaminan” terhadap kecacatan barang yang dilelong perlulah dihadkan skopnya kepada kecacatan yang nyata dan mudah dilihat atau dikenal pasti oleh pembida. Begitu juga hak pembatalan kontrak dalam firma G-Mart tidak semestinya hanya dihadkan dalam kes kereta potong sahaja kerana sifat kecacatan yang membolehkan sesuatu kontrak dibubarkan menurut fuqaha ialah kecacatan yang boleh mengurangkan nilainya.

Walaupun bagaimanapun, secara umumnya proses lain dalam lelongan yang dijalankan oleh firma G-MART boleh diterima atau diharuskan dari segi hukum, kerana telah memenuhi konsep umum dalam kontrak lelongan menurut Islam.

RUJUKAN

- Abdullah al-Mushlih & Shalah al-Shawi, 2004. *Fikih Islami Keuangan Islam*.
Terjemahan oleh Abu Umar Basyir. Jakarta: Darul Haq.
- al-Ba’li, ‘Abd al-Hamid Mahmud. (t.t.). *Dawabit al-‘Uqud*. (t.tp.): Maktabah al-Wahbah.

- al-Nasafi, Abd Allah Ahmad, 1986. *Kashf al-Asrar Sharh al-Musannif 'ala al-Manar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf, 1992. *Rawdah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayli, Wahbah, 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillathu*. Jilid 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hammad, Nazih, 1993. *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah fi Lughah al-Fuqaha'*. USA: IIIT.
- Kamus Dewan*, 2010. Edisi 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kant, S., 2010. "Market, Timber Pricing and Forest Management" dlm. *Forestry Chronicle* 86:5, hlm. 580-88.
- Krishna, V., 2002. *Auction Theory*. San Diego, USA: Academic Press.
- Musa, Muhammad Yusuf, 1985. *al-Fiqh al-Islami Madkhal li Dirasah Nizam al-Mu'amalat fih*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Mustafa al-Khinn, Mustafa al-Bugha & Ali Sharbaji, 1996. *Al-Fiqh al-Manhaji ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Jilid 3. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mohd. Ma'sum Bilah, 2007. *Applied Islamic Law of Trade and Finance: A Selection of Comtemporary Practical Issue*. Edisi 3. Malaysia: Sweet and Maxwell Asia.
- Najati Muhammad Ilyas, 2002. *Bay' al-Muzayadah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Suruhanjaya Sekuriti, 2006. *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Edisi 2. Kuala Lumpur: Suruhan Jaya Sekuriti.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adam Wafa, Muhammad Nasri Md. Hussain & Mohd. Hizam Hanafiah, 2002. *Pengantar Perniagaan Islam*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Tian G., 2010. *Lecture Notes Auction Theory*. Texas: Texas A&M University College Station.
- Wilson, R., 1990. *Strategic Analysis of Auction*. Amsterdam: North-Holland/ Elsevier Science Publishers.
- al-Zarqa, Mustafa, 1998. *al-Madhkhal al-Fiqhi al-'Am*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Zaydan, 'Abd al-Karim, 1999. *al-Madhkhal Lidirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.